

03/08/1998

Air terlalu penting untuk diurus swasta

Magendran Rajagopal

DEKLARASI Seoul sempena Hari Alam Sekitar tahun lalu, antara lain menegur sikap tidak acuh masyarakat dunia melindungi sumber semula jadi dalam mengejar pembangunan dan industrialisasi semata-mata kerana kemewahan materialistik.

Pengurusan sumber air dunia juga turut dipersoalkan dan tindakan menswastakan tugas mendapatkan serta mengagih bekalan air dipertikaikan kerana wujud kesangsian mengenai ketelusan syarikat swasta dalam pemuliharaan alam semula jadi.

Oleh kerana negara kita dianugerahi kadar hujan yang tinggi dan diselirati rangkaian sungai di segenap pelosok selain kolam serta tasik bertaburan di serata negeri, isu bekalan air tidak pernah terlintas di lubuk fikiran masyarakat setempat.

Usul menubuhkan satu badan penyelarasan dan pengagihan sumber air pernah ditimbulkan pada 1982, sejurus selepas Penyelidikan Sumber Air Kebangsaan menyiapkan laporannya, namun ia tidak dipersetujui pelaksanaannya.

Cadangan itu dibangkitkan semula apabila Melaka mengalami krisis air pada 1991, tetapi harapan itu terkubur begitu saja apabila gagal mendapat sokongan yang memadai daripada kerajaan negeri lain.

Pada 1992 saja, Kementerian Kerja Raya beberapa kali mengusulkan supaya satu badan tunggal diwujudkan bagi menyelaras pengurusan dan pengagihan sumber air negara, namun kerajaan negeri masih berdegil dengan pendirian mereka.

Tetapi kini, giliran perigi mencari timba pula apabila bekalan air berkurangan secara mendadak akibat musim panas berlanjutan ekoran fenomena El Nino yang mengucar-kacirkan iklim global.

Secara tiba-tiba, penduduk Selangor, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Johor, Sabah dan utara Sarawak dikejutkan masalah bekalan yang semakin melarat sehingga catuan air terpaksa diperkenalkan.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, berpendapat ketua menteri dan menteri besar wajar mewakili negeri masing-masing dalam Majlis Sumber Air Negara (MSAN) bagi menjamin pelan tindakan yang dipilih dapat dilaksanakan tanpa banyak kerenah birokrasi.

"MSAN hanya akan mengumpulkan sumber air serta kemampuan membekal air mengikut negeri tetapi kuasa menentukan bagaimana pengurusan air berkenaan diguna pakai masih dipegang oleh kerajaan negeri.

"Lantaran itu, ketua negeri sebagai wakil negeri yang berkuasa mutlak dalam sesuatu negeri adalah orang terbaik membuat keputusan seumpama dan kehadiran mereka dalam MSAN amat penting sekali.

"Hakikatnya, kerjasama antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri perlu dikemas kini dan sikap tolak ansur harus dijadikan landasan bagi mencapai keputusan bersama dalam menangani isu air dengan berkesan," katanya.

Secara keseluruhan, ada hampir 150 batang sungai di seluruh negara yang menjadi habitat pelbagai spesies flora dan fauna tempatan selain menjadi bekalan sumber air negara paling utama.

Pembabitan semua agensi kerajaan, terutama yang berkaitan alam sekitar, perhutanan dan hidupan liar selain Unit Perancang Ekonomi, wajar menggembeng tenaga dalam usaha memastikan sumber air negara terpelihara.

Menurut Pengarah Pemuliharaan, Tabung Hidupan Liar Sedunia (WWF), Dr Isabelle Louis, rancangan jangka panjang bagi menjamin bekalan air tidak terjejas sewajarnya dirumus sebelum pembangunan pesat negara dimulakan.

"Malangnya, kesedaran kita hanya menonjol apabila keadaan mencecah tahap

kritikal dan sikap tidak mengambil berat bagi mencari sumber air tambahan ketika krisis air pada 1982 dan 1991 tidak guna disesali sekarang.

"Pemilihan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebagai Pengerusi MSAN ternyata membuktikan isu air kini menjadi elemen utama dalam agenda kebangsaan negara," katanya.

Penasihat Undang-Undang Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Meenakshi Raman, turut bersetuju dengan pendapat Dr Louis tetapi yakin langkah yang diambil oleh agensi terbabit masih mampu memperbaiki keadaan meskipun pelaksanaannya terlewat.

"Meskipun kejadian ini sudah lama dijangka oleh pakar hidrologi, jurutera kaji bumi dan ahli sains alam sekitar, permintaan mereka bagi mewujudkan badan khas menangani sebarang kemungkinan masalah air tidak dilayan.

"Pada hakikatnya, sumber air negara terlalu penting untuk diurus oleh sektor swasta, sebaliknya undang-undang khas wajar diselaras bagi mengekalkannya di bawah bidang kuasa kerajaan negeri atau Kerajaan Pusat.

"Syarikat swasta, rata-rata mementingkan faktor keuntungan saja dan berdasarkan perkembangan sekarang, air bakal menjadi komoditi yang terlalu berharga dan bukan lagi sesuatu yang boleh dikecapi semua umat manusia.

"Penswastaan pembersihan dan pengagihan sumber air Lembah Klang kepada Puncak Niaga Sdn Bhd (PNSB) jelas menampakkan kepincangan apabila loji di Sungai Langat dan Cheras terpaksa menghentikan operasi beberapa kali.

"Kini, tugas mengakhiri catuan semasa dan memastikan negara tidak lagi dirundung krisis air wajar digalas oleh MSAN yang dijangka dapat menyelesaikan kebuntuan dengan kerjasama semua kerajaan negeri," katanya.

Mengikut perangkaan terakhir, ada lebih 30 peruntukan undang-undang berkenaan air yang diguna pakai oleh Kerajaan Pusat serta kerajaan negeri bagi melindungi sumber air masing-masing.

Meskipun air menjadi sumber penting yang menjamin keamanan alam persekitaran dan menjana pertumbuhan ekonomi negara secara keseluruhan, kegagalan menyelaraskan pengurusannya di bawah satu badan tunggal menyebabkan kita memandang remeh terhadap kepentingan air.

Keyakinan kerajaan negeri bekalan air tidak akan terputus menimbulkan kealpaan yang mendorong pembangunan pesat tanpa menghiraukan kesan sampingan pada punca air atau kemampuan menghadapi pencemaran.

Walaupun hak menguruskan sumber air diberi kepada setiap kerajaan di bawah Perlembagaan Persekutuan, harus diingat sumber semula jadi alam tidak boleh dipaksa akur dengan undang-undang manusia.

Selaras itu, satu Polisi Air Kebangsaan juga wajar digubal sebagai garis panduan seragam untuk dituruti setiap kerajaan negeri tanpa sebarang persoalan mempertikaikan isu pampasan.

Pengurusan sumber air, termasuk pembersihan dan pengagihan, yang kini diuruskan tiga agensi berasingan, iaitu Jabatan Bekalan Air, PNSB dan Kementerian Kerja Raya wajar dikawal selia oleh satu badan tunggal.

Masyarakat semakin jemu mendengar anggaran berjuta-juta ringgit hendak dibelanjakan bagi memulihkan bekalan air. Mereka juga sudah muak dengan sikap pihak terbabit yang lebih cenderung membincangkan kos daripada mengkaji faedah sebenar projek yang dilaksanakan.

Sewajarnya, kemudahan asas rakyat, termasuk air, elektrik dan sistem pengangkutan, diuruskan oleh kerajaan kerana ketelusan mereka dalam memastikan keperluan rakyat terjamin tidak perlu disangsikan.

(END)